


PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA TIAP2 HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 4

RABU 20 FEBRUARY 1963 (25 RAMADHAN 1382)

PERCHUMA

Selamat Hari Raya Aidil Fitri

Yang Maha Mulia Pemangku Raja Berchemar Duli Ka-Temburong

BANGAR. — Yang Maha Mulia Pemangku Raja, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam ibnu Almerhom Duli Pengiran Bendahara anak Abdul Rahman telah Berchemar Duli ka-Pekan Bangar, Temburong pada hari Sabtu 16 February, 1963 dengan menaikki sa-buah kapal terbang jenis helikopter. Yang Maha Mulia Pemangku Raja telah diiringi oleh Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un; Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Haji Kamaralzaman dan Pegawai Pemerintah Pasokan Pulis Daerah Brunei, Penguasa Pulis Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Yang Maha Mulia Pemangku Raja telah di-sambut ketika tiba di-Bangar pada pagi hari tersebut oleh Pegawai Daerah Temburong, Inche Matnoor Macafee dan kemudian di-perkenalkan kepada Pegawai2 Kerajaan dan Pegawai2 Tentera.

Pada masa Yang Maha Mulia Pemangku Raja tiba, bendera peribadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pun di-kibarkan dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei pun di-bunyikan bil para hadirin berdiri tegak.

Yang Maha Mulia Pemangku Raja telah menyeru kepada penduduk2 di-Daerah Tembu-

rong supaya bekerjasama dengan pihak Kerajaan dan jangan-lah ragu2 memberi ma'lumat supaya Pasokan2 Keselamatan dapat menangkap saki-baki penderhaka2.

Kerajaan akan memberi hadiah kepada orang ramai yang memberi rahsia itu dan akan menjamin keselamatan mereka. kata lagi Yang Maha Mulia Pemangku Raja.

Yang Maha Mulia Pemangku Raja telah membaca satu titah ucapan daripada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-majlis tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berkata dalam titah itu bahawa Baginda telah berhajat hendak melawat ka-Daerah Temburong sa-baik sa-baja penderhakaan di-hapuskan, sa-bagaimana yang Baginda telah melawat ka-Daerah2 Tutong dan Belait tidak berapa lama dahulu.

Baginda berasa dukachita kerana tidak dapat mengunjungi

para penduduk di-Daerah Temburong oleh kerana Baginda telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk berehat dan telah memperkenalkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha mewakili Baginda melawat ka-Daerah Temburong pada hari tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berdo'a sa-moga keadaan di-Temburong kelak puleh saperti sedia kala dan berharap bahawa Negeri Brunei akan tetap dalam pemeliharaan Allah serta juga ra'ayat jelata akan bekerjasama dengan pihak Kerajaan bagi kema'amoran negara.

Baginda juga telah mengucapkan terima kasih kepada Pegawai2 Kerajaan dan Pulis di-Daerah Temburong yang telah menunjukkan perkhidmatan mereka yang chemerlang dalam masa menghadapi mala-petaka pada masa berlaku penderhakaan di-negeri ini.

(Lihat Muka 4)



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan dalam gambar ini di-sambut oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Hai pada masa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta Kerabat Diraja Brunei tiba di-lapangan terbang Kuala Lumpur baharu2 ini.—Gambar dengan ehsan Perkhidmatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam sedang menyampaikan Bintang Kebesaran Negeri Brunei yang tinggi sa-kali, ia-itu Darjah Kerabat Yang Amat Di-hormati Brunei—Darjah Pertama, kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei, bagi pihak Duli Yang Maha Mulia, di-Istana Baginda di-Kuala Lumpur, Rumah Awang Alak Betatar pada 24 January, 1963. — Gambar dengan ehsan Perkhidmatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu.

RA'AYAT BRUNEI

Sentiasa Ta'at Setia Kapada Baginda Kata Y.A.B. Menteri Besar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Ra'ayat Brunei ada-lah senantiasanya ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan. Sir Omar Ali Saifuddin dan Kerajaan Baginda dengan tidak berbelah bagi. Demikian kata Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un di-majlis perjumpaan ramai di-Bandar Brunei pada penghujung bulan January yang lalu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melafadzkan satu titah yang berharga di-majlis tersebut, sambil bertitah bahawa Baginda dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kelak berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada hari tersebut kerana berchuti dan berehat dan juga untuk membolehkan Baginda2 berjumpa dengan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota serta adinda-nya di-Kuala Lumpur.

Titah Duli Yang Maha Mulia dan berita lanjut berkenaan dengan majlis tersebut telah disiarkan dalam keluaran PELITA BRUNEI bertarikh 6 February, 1963.

Ketika mulai memberi ucapan di-majlis tersebut, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal berkata, "Pada hari yang berbahagia ini izinkan-lah patek atas nama Pegawai2 Kerajaan dan ra'ayat Brunei mengucapkan selamat belayar dan selamat berchuti kapada Duli Tuanku.

Moga2 dengan kudrat dan iradat Allah Subhanahu Wata'ala, Duli Tuanku akan senantiasanya di-dalam pemeliharaan-nya serta selamat dalam pemergian dan selamat pula kembali.

KEPERCHAYAAN PENOH

Patek dan ra'ayat Kabawah Duli Tuanku senantiasanya menadah tangan kahadzrat Tuhan agar usia Duli Tuanku di-lanjutkan-nya dan kekal karal memerintah di-atas Takhta Kerajaan Brunei.

Patek dan ra'ayat sekalian menaruh keperchayaan penoh yang tidak berbelah bagi atas kebolehan Tuanku memimpin ra'ayat menuju kemajuan negara ini."

Seterus-nya Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal berkata, "Dengan ini juga patek berasa bangga menyampaikan kepengetahuan Tuanku bahawa ra'ayat Brunei ada-lah senantiasanya berta'at setia Kabawah Duli Tuanku dan Kerajaan Tuanku dengan tidak berbelah bagi.

Ini dapat patek buktikan dengan kejadian penderhakaan yang baru2 ini berlaku di-negeri ini.

Hanya sa-bilangan kecil ra'ayat yang tertipu yang telah terpedaya dan terus mengangkat senjata melawan pehak Kerajaan dan menumpahkan darah sa-chara sia2.

TETAP SETIA

Sedangkan jumlah yang amat besar dari penduduk negeri ini TETAP SETIA Kabawah Duli Tuanku, bahkan telah menyatakan kerelaan untuk menyerahkan jiwa raga mereka demi menegakkan Kerajaan Tuanku dan keamanan negeri ini.

Mereka telah mengutok perbuatan penderhakaan2 itu yang telah turut pula di-hasut oleh orang2 luar negeri yang bertujuan semata2 untuk merebut Kerajaan negeri ini sa-chara haram dan dengan itu berjaya menikmati kekayaan-nya.

Para pemimpin yang bertanggung jawab atas ranchangan penderhakaan ini boleh-lah dianggap sa-bagai pemimpin2 yang tidak jujur dan semata2 bertujuan jahat untuk menggulingkan Kerajaan Duli Tuanku dengan sa-chara kekerasan.

Mereka bertujuan untuk mendapat pangkat dan kekayaan dengan jalan haram dan khianat. Pada hakikat-nya mereka ini bukan-lah pemimpin2 ra'ayat sejati akan tetapi komplot2 samseng yang chuba tunjok keberanian sa-chara jahil."

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal menegaskan lagi, "Oleh kerana perbuatan2 penderhakaan2 itu tidak di-redzai Tuhan, maka Kerajaan Tuanku

terus demi kebaikan negara, ra'ayat dan ugama.

Patek dan ra'ayat sekalian ada-lah berdiri di-belakang Tuanku sa-bagai ra'ayat yang ta'at setia untuk memikul tanggung jawab sa-bagai warga negara Brunei yang sejati."

Pada masa menamatkan ucapan, Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un berkata, "Akhir-nya, perkenankan-lah sekali lagi patek bagi pehak Pegawai2 Kerajaan sa-bagai Kepala Pentadbir, menyemb.

Kan ucapan selamat belayar dan berchuti kapada Tuanku. Sa-moga Tuanku akan selamat pula kembali untuk berada di-sekeliling ra'ayat sekalian yang chintakan Tuanku. AMIN."

Ada-lah menjadi keyakinan patek sekalian ra'ayat yang turut bernaung di-bawah keadilan Tuanku, bahawa Tuanku senantiasanya bekerja untuk kepentingan ra'ayat Tuanku kasehi.

Patek ra'ayat sekalian senantiasanya bermohon kapada Tuhan

Kemajuan2 yang di-chapai oleh Kerajaan Tuanku itu ada-lah semata2 untuk kebaikan ra'ayat jelata dan tidak saperti tujuan para pemimpin penderhakaan yang chuba ingin membolot kekayaan untuk kesenangan mereka.

Ada-lah menjadi keyakinan patek sekalian ra'ayat yang turut bernaung di-bawah keadilan Tuanku, bahawa Tuanku senantiasanya bekerja untuk kepentingan ra'ayat Tuanku kasehi.

Patek ra'ayat sekalian senantiasanya bermohon kapada Tuhan

1,885 ORANG LAGI Menyembahkan Ikrar Ta'at Setia

BANDAR BRUNEI. — Seramai 1,885 orang lagi penduduk2 dari 16 buah kampung di-Negeri Brunei telah menyembahkan ikrar ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda serta mengutok penderhakaan yang telah dilakukan di-negeri ini dalam bulan Desember yang lalu.

Penduduk2 itu ada-lah dari kampung2 yang di-bawah ini: Kampung Baru-Baru, Kampung Kota Batu, Kampung Bakut Berumput, Kampung Sungai Pandan "A", Kampung Pulaie Baharu "A", Kampung Pulaie Baharu "B", Kampung Pandai Besi "A", Kampung Pandai Besi "B". Jumlah penduduk2 kampung2 ini ia-lah seramai 819 orang.

Kampung Sengkurong "A", Kampung Sengkurong "B", Kampung Mulaut, Kampung Lugu, Kampung Kulapis, Kampung Tanjong Nangka, Kampung Berbunot dan Kampung Kiarong. Jumlah penduduk2 kampung2 yang di-sebutkan ini ia-lah seramai 1,066 orang.

Peratoran Kapada Penumpang2 Kapal Laut Dari Brunei Ka-Labuan

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Laut Negara Brunei, Kaptan E. H. Mutton telah mengumumkan bahawa pehak yang berkuasa Labuan telah menetapkan beberapa peratoran kapada penumpang2 yang berulang alek di-antara Brunei dan Labuan dengan kapal Kerajaan Brunei.

Langkah yang di-ambil itu ada-lah sa-bagai langkah keselamatan.

Penumpang2 tidak-lah dibenarkan berulang-alek di-antara Brunei dan Labuan dalam masa sa-hari.

Sa-lain daripada itu, sa-kiranya ada orang2 yang hendak melawat sanak-saudara, maka di-minta mereka berurusan terlebih dahulu dengan pehak yang berkuasa di-Labuan menerusi Jabatan Imigresen Brunei.

Kaptan Mutton menambahkan kata bahawa ha-nya orang2 yang berniaga sahaja yang dibenarkan berulang-alek dari Brunei ka-Labuan dan balik ka-Brunei dalam masa sa-hari.

Peratoran2 yang di-tetapkan oleh pehak yang berkuasa di-Labuan, tidak-lah di-kenakan ka-atas penumpang2 yang pergi ka-Labuan dalam perjalanan ka-lain tempat.

Jarum Hasutan Fitnah Shaitan Tidak Akan Lulus Sa-lagi Kita Berpandu Kapada Allah Kata Y.B. Timbalan Menteri Besar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-lagi kita berpandu kapada ugama Allah dan Kitab-nya Al-Koran, jarum hasutan fitnah shaitan tidak akan lulus Sa-lagi ra'ayat bersatu-padu memelihara keamanan dan kema'amoran negara, pencherobohan2 dari dalam dan dari luar negeri tidak akan berjaya memecah-belah dan memencilkan keagongan peribadi ra'ayat Brunei Darus Salam. Demikian kata Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud yang juga menjadi Penasehat Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei ketika memberi ucapan di-majlis pembukaan peraduan bacaan Al-Koran untuk memilih kejohanan bagi seluruh Negeri Brunei di-pekerangan Mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam 30 January, 1963.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali berkata pada masa memberi ucapan tersebut bahawa sesungguhnya beliau merasa terharu sa-kali menyaksikan perhimpunan ra'ayat dan umat Islam di-majlis tersebut yang telah beramai2 hadir memenuhi seruan jiwa-nya untuk meraikan dan mendengar bacaan ayat2 suci Al-Koran.

Orang2 asing di-luar negeri yang menyangka ra'ayat di-Brunei sudah berpecah belah akibat penderhakaan pada bulan Desember yang lalu, kata Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali, ternyata-lah sangkaan mereka telah tersalah dan terkeliru.

Seterusnya beliau berkata, "Kalau dunia luar, kalau tukang fitnah yang maseh menyokong penderhaka di-Brunei, ia itu terdiri dari orang2 di-Singapura, di-Manila, di-Indonesia atau di-Sarawak dan di-Sabah ada hadir bersama2 kita di-majlis ini tentu-lah mereka menggigit jari merasa sakit hati dan dukacita kerana harapan mereka perpecahan dan keta'atan ra'ayat sudah berpecah-belah itu terbukti tidak benar.

"Alhamdulillah rabbil alamin, umat Islam dan seluruh ra'ayat Brunei maseh bersatu padu dan ternyata malam ini mereka maseh bersatu padu dalam satu titik yang besar dan chemerlang ia itu kechanteakan mereka kapada ugama dan Al-Koran.

"Sa-lagi kita berpandu kapada ugama Allah dan Kitab-nya Al-Koran, jarum hasutan fitnah shaitan tidak akan lulus, dan sa-lagi kita ra'ayat bersatu padu memelihara keamanan dan kema'amoran negara, pencherobohan2 dari dalam dan dari luar negeri tidak akan berjaya memecah-belah dan memencilkan keagongan peribadi ra'ayat kita Brunei Darus Salam.

"Ra'ayat Brunei asal-nya satu rumpun bumi putera yang bersemangat mula dan menchini, aman damai, ta'at mengerjakan amal ibadat dan menjunjung tinggi semangat keperwiraan Melayu sa-bagai bangsa yang ta'at setia kapada Raja dan tidak takut membelah keadilan dan kebenaran.

"Ra'ayat Brunei, sama ada yang berugama Islam atau bukan Islam, ada-lah sama mempunyai semangat itu, ia itu patoh kapada keperchayaan ugama masing2, tetapi sebahagian penanganjor yang tidak setia kapada Raja dan negara dan tidak ta'at kapada ugama-nya, telah mencheborkan ra'ayat dan negara ka-dalam jurang penderhakaan dan kesengsaraan.

"Kita tahu kebanyakan penanganjor penderhakaan itu ia-lah orang2 yang berpendirian daun lalang dalam ugama-nya. Mereka melanggar larangan Allah dalam Al-Koran. Mereka tidak memandang orang2 Islam yang

bukan golongan-nya sa-bagai saudara. Mereka minum arak. Mereka bermain judi. Mereka tidak sembahyang. Mereka tidak berpuasa dan mereka memusuhi perintah2 Allah dan memusuhi orang2 yang chuba melaksanakan perintah Allah di-dalam negeri ini. Bar-lah mereka dengan kesesatan mereka, tetapi kita berdo'a sa-moga Allah memberi ajaran keras kapada mereka supaya mereka balek insaf dan kembali sa-mula ka-jalan yang benar."

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali selanjut-nya berkata, "Tuan2 dan puan2 akan mendengar banchaan ayat2 suci Al-Koran di-dalam majlis ini dan jika tuan2 dan puan2 dapat memahami arti2 ayat2 suci itu, akan tahu-lah tuan2 semua firman Allah itu menyuruh orang beriman, ta'at kapada Allah, menjauhi kejahatan dan perpecahan dan bekerja pada jalan aman, menasehat manusia membuat kebajikan kapada sesama ra'ayat, bersatu padu dan beru-

saha menenari keredzaan Allah. "Saya menguchapkan terima kaseh kapada Jawatan Kuasa Peraduan Membaca Al-Koran Daerah dan Negeri yang telah bekerja keras menjayakan peraduan2 untok memilih johan2 Negeri Brunei ka-perengkat antara bangsa di-Kuala Lumpur, walau pun negeri kita maseh di-dalam suasana darurat."

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Ali mengakhiri ucapan beliau dengan berkata, "Sa-bagai Penasehat Hal Ehwal Ugama kapada Duli Yang Maha Mula Maulana Al-Sultan, saya menguchapkan tahniah kapada Jabatan Hal Ehwal Ugama, Pegawai2 Ugama dan sekalian ra'ayat Islam dan lain2 jabatan Kerajaan yang telah menolong menjayakan tujuan yang mulia ini dengan tidak menghirau susah payah dan kesulitan perhubungan dalam masa darurat ini.

"Kapada johan Daerah yang akan mengambil bahagian pada malam ini dan malam esok, saya ucapkan selamat berjaya dalam peraduan.

"Kapada sekalian yang mengambil bahagian, saya menguchapkan terima kaseh dan berdo'a sa-moga Allah menerima amal yang mulia itu dan memimpikan nikmat dan rahmat kapada mereka dan sekalian muslimin dan ra'ayat beroleh kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat."

Perjumpaan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong

TUTONG. — Penghulu2 dan Ketua2 Kampong dalam Daerah Tutong yang kampong2 mereka telah di-rosakkan oleh banjir baharu2 ini telah mengadakan pertemuan dengan Pegawai Daerah Tutong, Inche Ali bin Awang Besar pada 6 February yang lalu atas permintaan Inche Ali.

Beliau berkata kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong itu bahawa Kerajaan meminta mereka menyediakan sinarai yang lengkap berkenaan dengan harta-pesaka penduduk2 kampong dalam Daerah Tutong yang telah di-binasakan oleh banjir.

Inche Ali menambah-kata bahawa Kerajaan akan terus memberi bantuan kapada mangsa2 banjir itu.

Banyak kampong dalam Daerah Tutong telah mengalami binchana banjir baharu2 ini dengan menyebabkan banyak keluarga2 di-Kampong2 Layong, Penapar dan Tanjong Maya tidak berumah tangga.

DERMA BANJIR

BANDAR BRUNEI.—Sharikat Malayan Banking Berhad di-Bandar Brunei telah menghadihkan derma sa-banyak \$2,000 kapada Derma Mangsa2 Banjir Negeri Brunei.

Hadih2 itu telah di-sampaikan oleh Pengurus Sharikat Bank tersebut kapada pihak yang berkenaan pada hari Sabtu yang lalu.

Sharikat Malayan Banking Berhad telah menghadihkan derma tersebut ia-lah kerana sharikat itu bertimbang rasa terhadap penderitaan mangsa2 banjir dan berharap derma itu akan memberi pertolongan kapada mereka, kata Pengurus Sharikat Malayan Banking Berhad di-Bandar Brunei.

Bank-nya telah menghadihkan 500 tin barang2 makanan kapada mangsa2 banjir itu tidak berapa lama dahulu, kata-nya lagi.

Hingga ka-hari Sabtu 16 February, 1963 Jawatan Kuasa

Malayan Banking Hadiah \$ 2,000

Derma Banjir telah menerima hadiah2 daripada sharikat2 dan orang ramai berjumlah sa-banyak \$16,682,50 sen.

Di-antara wang itu, Jawatan Kuasa Derma Banjir tersebut telah menghadihkan sa-banyak \$5,300 kapada mangsa2 banjir di-Tutong, Temburong dan Belait, seperti di-bawah ini:

Mangsa2 banjir di-Tutong sa-banyak \$1,800; Temburong sa-banyak \$1,500 dan Belait sa-banyak \$2,000.

KA-MALAYA

BERAKAS.—Tiga orang Pegawai2 Askar Melayu Brunei yang sudah terlatah telah berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang sa-telah berchuti di-Tanah Ayer sa-lama beberapa hari.

Mereka ia-lah Awangku Ibnu bin Pengiran Apong, Inche Mohamed bin Haji Daud dan Inche Sulaiman bin Damit.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha kelihatan dalam gambar ini menyampaikan Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Yang Amat Di-hormati Brunei Darjah Kedua, yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di-Rumah Awang Alak Betatar, Kuala Lumpur pada 24 January, 1963. — Gambar dengan ehsan Perkhidmatan Penerangan, Persekutuan Tanah Melayu.

Pegawai2 Baharu P.P.R.B.

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 baharu Party Perjuangan Ra'ayat Brunei yang telah di-lantek dalam meshuarat agong-nya baharu2 ini ia-lah: Yang Dipertua Agong—Inche A. Arshad Marsal. Timbalan Yang Dipertua Agong—Inche Ahmad bin Yussof. Setia Usaha Agong—Inche Moktal bin Salleh. Bendahari Agong—Awang Yakob bin Awang Zainal. Ketua Jabatan Penerangan — Awang Salleh bin Pehin Penyurat Awang Matseruddin dan Ketua Jabatan Pemuda—Inche Abdul Rahman bin Ismail. Demikian di-umumkan oleh Setia Usaha Agong Party Perjuangan Ra'ayat Brunei.

Y.M.M. Pemangku Raja Melawat Temburong

(Dari Muka 1)

Pegawai Daerah Temburong, Inche Matnoor Macafee telah memberi ucapan di-majlis tersebut bagi pihak Pegawai2 Kerajaan di-Temburong manakala Orang Kaya Setia Haji Abdul Rahim bin Akim telah berucap di-majlis itu bagi pihak orang2 Melayu, China, Iban, Murut dan lain2 puak yang tinggal di-Daerah Temburong.

Pegawai2 Kerajaan dan penduduk2 segala bangsa di-Temburong, berikrar ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda, kata Inche Matnoor dan Orang Kaya Setia Haji Ab' Rahim dalam ucapan2 mere.



Persekutuan Guru2 Melayu Brunei telah menghadiahkan wang dan kain baju berjumlah kira2 \$6,000 kepada mangsa2 banjir negeri ini. Dalam gambar ini kelihatan Yang Dipertua Agong P.G.G.M.B. Inche Shahbudin bin Saleh menyampaikan derma itu kepada Inche R. D. Ross, Bendahari, Jawatan Kuasa Derma Banjir di-pejabat-nya baharu2 ini.



Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, merangkap Menteri Pertahanan P. T. M., Yang Berhormat Tun Abdul Razak kelihatan dalam gambar ini berjajat tangan dengan sa-orang Pegawai Askar Melayu Brunei yang sudah terlatih di-upachara tamat latehan Pegawai2 Kadet Askar di-Malaya sadikit hari dahulu. Di-belakang Yang Berhormat Tun Razak ia-lah Pegawai Pemerintah Askar Melayu Brunei, Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin. — Gambar dengan ehsan Perkhidmatan Penerangan, Persekutuan Tanah Melayu.



Satu pemandangan khari2 dan khariah2 dari Daerah2 Brunei-Muara, Tuong, Belait dan Temburong yang telah mengambil bahagian dalam peraduan akhir bacaan Al-Koran Al-Karim untuk memilah johan2 bagi seluroh Negeri Brunei. Peraduan bacaan Al-Koran itu telah di-adakan di-perkarangan Mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam 30 dan 31 January, 1963.

301 ORANG2 TAHANAN DI-BEBASKAN

BANDAR BRUNEI. — Seramai 105 orang tahanan lagi telah di-babaskan dari khemah pertahanan di-Berakas dan dari khemah pertahanan di-Seria. Pada 12 February, 1963. 24 orang daripada orang2 tahanan yang telah di-bebaskan itu ialah dari khemah pertahanan di-Berakas dan 81 orang lagi

orang2 tahanan itu ia-lah dari khemah pertahanan di-Lorong 7 di-Seria.

Ini-lah rombongan yang ketiga orang2 tahanan telah di-bebaskan. Dengan ini jumlah orang2 tahanan yang telah di-bebaskan ia-lah seramai 301 orang.

Rombongan pertama orang2 tahanan di-bebaskan ia-lah pada 29 January, 1963.

Mereka herjumlah seramai 107 orang, ia-itu 69 orang di-bebaskan dari khemah pertahanan di-Berakas dan 38 orang di-bebaskan dari khemah pertahanan di-Seria.



Rombongan yang kedua orang2 tahanan di-bebaskan ia-lah pada 5 February, 1963.

Mereka berjumlah seramai 89 orang, ia-itu mengandongi 38 orang di-bebaskan dari khemah pertahanan di-Berakas dan 51 orang di-bebaskan dari khemah pertahanan di-Seria.

* * * * *



Gambar2 yang di-siarkan di-muka ini telah di-ambil di-upachara pembebasan rombongan pertama orang2 tahanan dari Khemah Pertahanan di-Berakas pada 29 January, 1963.



Hadiah2 Untuk Ma'lumat Hingga Tertangkap Atau Tertawan Yassin Affandy — \$15,000 : Misir Kerudin — \$10,000 Tiap2 Ahli T.N.K.U. \$5,000

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menawarkan hadiah sa-banyak \$15,000 kepada sa-barang orang awam yang memberi ma'lumat sa-hingga tertangkap atau tertawan Yassin Affandy Rahman, sa-orang ketua penderhaka Tentera Nasional Kalimantan Utara. Demikian menurut satu pengumuman Kerajaan pada 16 February, 1963.

Yassin ia-lah bekas Setia Usaha Agong, Partai Ra'ayat Brunei dan bekas sa-orang ahli yang di-pilih dalam Majlis Meshuarat Daerah Brunei dan Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Ia ada-lah sa-orang daripada sembilan orang ketua2 penderhaka yang telah melarikan diri ka-dalam hutan.

Yassin, berumur 41 tahun telah di-dengar berada di-Daerah Temburong lewat dalam bulan Desember tahun lalu.

Kerajaan Brunei juga menawarkan hadiah sa-banyak \$10,000 pada 16 February, 1963 untuk ma'lumat bagi menangkap atau menawan sa-orang lagi ketua penderhaka, ia-itu Misir bin Kerudin.

Misir ia-lah sa-orang bekas ahli Majlis Meshuarat Daerah Temburong dan juga sa-orang ahli Majlis Meshuarat Negeri Brunei.

Misir telah menjadi sa-orang kuat Partai Ra'ayat dalam Daerah Temburong.

Menurut pengumuman Kerajaan Brunei pada 16 February, 1963 hadiah sa-banyak \$5,000 akan di-beri kepada tiap2 orang awam yang memberi rahsia sa-hingga tertangkap atau tertawan tiap2 sa-orang ketua penderhaka Tentera Nasional Kalimantan Utara yang di-sebutkan ini.

Mereka ia-lah Sheikh Salleh bin Sheikh Mahmud, Haji Garip bin Haji Manggol, Awang Hidup bin Haji Besar, Sha'iff bin Orang Kaya Setia Bakti Daud, Balan bin Sagan, Abdullah bin Ja'afar dan Sheikh Osman bin Sheikh Mahmud.

Hadiah2 itu tidak akan di-bayar kepada ahli2 pasukan keselamatan atau kepada Pegawai2 Kerajaan yang bergaji bulan.

Sheikh Salleh bin Sheikh Mahmud ia-lah adek ketua penderhaka Azahari. Sheikh Salleh ia-lah bekas kerani di-Pejabat Kewangan di-Bandar Brunei.

Sa-orang lagi saudara Azahari yang di-kehendak2 dan hadiah sa-banyak \$5,000 akan di-bayar kepada orang awam yang memberi ma'lumat sa-hingga ia dapat di-tangkap atau di-tawan ia-lah Sheikh Osman bin Sheikh Mahmud. Sheikh Osman ia-lah bekas Ahli Jawatan Kuasa Pusat, Partai Ra'ayat Brunei.

Haji Garip bin Haji Manggol ia-lah sa-orang ahli Jawatan Kuasa Pusat, Partai Ra'ayat Brunei yang chergas. Ia telah mengambil bahagian yang penting pada masa berlaku penderhakaan.

Awang Hidup bin Haji Besar ia-lah bekas Penolong Setia Usaha Agong Partai Ra'ayat Brunei. Hidup ia-lah bekas ahli Majlis Meshuarat Daerah Brunei.

Sha'iff bin Orang Kaya Setia Bakti Daud ia-lah bekas Ketua Bahagian Pemuda Partai Ra'ayat di-Kilanas. Sha'iff telah tidak kelihatan lagi sa-lepas penderhakaan gagal.

Balan bin Sagan ia-lah sa-orang Murut. Balan ia-lah sa-orang ahli yang chergas dalam Partai Ra'ayat di-Daerah Temburong.

Abdullah bin Ja'afar ia-lah bekas ahli Majlis Meshuarat Daerah Brunei. Abdullah telah hilang sa-lepas berlaku penderhakaan pada 8 Desember yang lalu.

Bekas Lieutenant T.N.K.U. Menyerah Diri

LIMBANG. — Sa-orang juruchakap tentera berkata bahawa sa-orang bekas Lieutenant Tentera Nasional Kalimantan Utara dari Ibu Pejabat Daerah Limbang T.N.K.U. telah menyerah diri kepada Pulis baharu2 ini.

Dua orang penderhaka2 telah di-tangkap tidak berapa lama kemudian dalam satu pertemporan dengan askar2 Gurkha dari Pasokan2 pertama, kedua dan ketujuh dan Pulis Sarawak.

Pada pagi 6 February, kata lagi juruchakap tentera tersebut, dua orang lagi ahli2 Tentera Nasional Kalimantan Utara te-

lah menyerah diri kerana mereka tidak mahu lagi mengikut ketua2 mereka dan meneruskan penderhakaan dalam hutan.

Juruchakap tentera itu menerangkan bahawa hingga ka-6 February, 1963, 328 orang yang di-shakki sa-bagai penderhaka2 maseh di-tahan dalam kawasan Bahagian Kelima Negeri Sarawak, di-antara-nya 273 orang di-tahan di-Limbang.

Pasokan2 Keselamatan maseh meneruskan gerakan mencari saki-baki penderhaka2 dalam Bahagian Kelima Negeri Sarawak.

Hadiah sa-banyak \$5,000 akan di-tangkap atau di-tawan sa-juga di-bayar oleh Kerajaan barang ahli Tentera Nasional kepada orang awam yang memberi ma'lumat sa-hingga dapat Keselamatan.

Hadiah2 Bagi Rahsia Untuk Mendapatkan Senjata2 Api

Banyak-nya hadiah2 bagi rahsia untuk mendapatkan senjata api, peluru2 atau ubat2 letopan ia-lah:—

- (a) Machine Gun, Bren Gun, Carbine, dan lain2 \$1,000.00
- (b) Senapang Rifle dan jenis2 pistol \$ 500.00
- (c) Bom Tangan bagi tiap2 sa-biji \$ 500.00
- (d) Senapang Patah \$150.00 hingga \$ 300.00 mengikut keadaan-nya
- (e) Tiap2 sa-biji Bom atau pun letopan2 \$ 100.00
- (f) Tiap2 sabiji peluru 50 Sen

KESELAMATAN ORANG2 YANG TELAH MEMBERI RAHSIA

Orang2 yang memberikan rahsia akan di-lindungi untuk keselamatan-nya. Oleh itu rahsia2 yang di-sampaikan oleh orang2 awam hendak-lah:—

- (a) Di-masokkan dalam sarong surat dan di-alamatkan kepada Peti Surat No. 5,000, dan
- (d) Di-masokkan ka-dalam Peti Surat saperti berikut:—

Brunei; Seria; Belait; Temburong dan Tutong. Semua-nya surat2 yang beralamat kepada Peti Surat No. 5,000 akan di-simpan di-dalam Peti Surat yang berkunci dan di-bawa daripada Pejabat Pos terus kepada Pesuruh Jaya Pulis di-Bandar Brunei.

Pesuruh Jaya Pulis sendiri yang akan membuli semua surat2 itu, dia sendiri akan mengambil tindak atas rahsia2 itu dengan tidak memberitahu nama orang2 yang menyampaikan-nya. Hadiah2 akan di-berikan dengan chara rahsia.

Dua Orang Penderhaka Di-Bunuh Senjata2 Api Di-Jumpai

BANGAR. — Sa-pasokan askar2 Gurkha dari pasokan ka-1/7 yang sedang menjalankan perundaan di-Daerah Temburong telah membunuh dua orang penderhaka dan menchedrakan sa-orang penderhaka yang lain dalam satu pertemporan pada petang 13 February, 1963.

Pasokan askar2 Gurkha itu telah di-ketuai oleh Sarjan Rai Bahadur. Pada masa mereka sedang merunda dekat Kampong Puni, kira2 4 batu dari Bangar, mereka telah melihat tiga orang penderhaka2 yang bersenjata.

Penderhaka2 itu telah menjmbak ka-arrah askar2 Gurkha tersebut. Dengan tidak membuang masa lagi, askar2 Gurkha itu pun menimbak balek kepada penderhaka2 itu dan berhasil membunuh dua orang penderhaka manakala penderhaka yang

sa-orang lagi telah melarikan diri-nya ka-dalam hutan.

Sa-orang juruchakap pasokan2 keselamatan di-Bangar berkata kepada sa-orang wartawan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei bahawa penderhaka yang ketiga itu diperchayai telah di-chedrakan dalam pertemporan tersebut.

Beliau berkata lagi bahawa pasokan askar2 Gurkha itu telah tidak mendapat kechedraan.

Mayat penderhaka2 yang telah di-bunuh itu telah di-bawa ka-Balai Pulis Bangar pada petang 13 February.

Mereka kemudian di-kenali sa-bagai Abas bin Tusin dan Jalil bin Abdullah.

Sa-lepas berlaku pertemporan tersebut, pasokan askar2 Gurkha itu telah menjumpai 3 senapang2 patah, kira2 100 biji peluru, dua parang dan dua pisau.

KERJA2 KOSONG

Di-Jabatan2 Dan Maktab2 Kerajaan

Penolong Kechil Pemelihara Hutan

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenuhi dua jawatan kosong sebagai Penolong Kechil Pemelihara Hutan dalam Jabatan Hutan Brunei. Ha-nya pemohon2 yang mempunyai kelayakan yang di-perlukan dikehendaki memohon.

KELAYAKAN2: Chalun2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei, berumur kurang daripada 24 tahun dan sehat. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang biasa dengan penghidupan di-luar bandar. Kelayakan yang di-perlukan ia-lah sekurang2-nya Grade I atau II Overseas School Certificate dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan Ilmu Sain.

Chalun2 yang telah menduduki peperiksaan Overseas School Certificate dalam bulan Desember, 1962 dan sedang menunggu keputusan-nya boleh juga memohon. Walau pun begitu, pilihan terakhir ada-lah bergantung kepada kelulusan peperiksaan seperti yang di-perlukan.

TUGAS2 DAN LATEHAN: Chalun2 yang berjaya mula2-nya akan di-tempatkan dengan Pegawai Kehutanan Negara, Brunei, untuk menjalani latehan selama beberapa bulan sebelumnya di-hantar berlateh selama

lebih kurang satu tahun di-Sekolah Kehutanan Kepong, Malaysia.

Satelah tamat latehan dengan memuaskan mereka akan di-tempatkan di-satu kawasan hutan di-Brunei. Pegawai2 yang mempunyai minat, pengalaman dan kelayakan yang sesuai adalah berpeluang melanjutkan pelajaran-nya.

GAJI: Dalam Perchubaaan — Scale BAS (c) \$290-310-330. Jawatan Tetap — Scale BAS Tingkatan II \$580x30-940.

SHARAT: Chalun2 yang berjaya akan menjalani masa perchubaaan selama 3 tahun dan akan di-tetapkan dalam jawatan mereka setelah menamatkan kursus di-Sekolah Kehutanan Kepong dengan memuaskan dan setelah lulus peperiksaan pejabat yang akan di-adakan.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Permohonan2 ini mesti-lah di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 20 March, 1963.

Penyelenggara Setor

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk berkhidmat sebagai Penyelenggara Setor Tingkat II di-Pejabat Laut, Brunei.

KELAYAKAN2: Lulus Form III Inggeris dan Darjah V Malayu.

PENGALAMAN: Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman sekurang2-nya 3 tahun dalam hal setor.

GAJI: Dalam Tingkatan D (a) 1, D (b) 2-3-4-5 \$211-220x10-

260-280-290x20-330, \$350-370-380. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 16 March, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka.

Tukang Kebun

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat dan mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenuhi jawatan Tukang Kebun/Penchuchi dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba, Negeri Brunei.

Kelayakan2: Pemohon mesti-lah berumur 30 tahun tetapi tidak sampai 50 tahun.

Tingkatan Gaji: F. 1-2-3-4-5-

\$143x3-158-160-180.

Permohonan2 mesti-lah di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 16 March, 1963.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan Brunei hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2.

Mekanik Bomba

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat dan mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memenuhi jawatan Mekanik dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba, Negeri Brunei.

Kelayakan2 yang di-kehendaki ada-lah seperti di-bawah ini:

(a) Chalun mesti-lah lepasan Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan mempunyai tiga tahun pengalaman praktik, atau.

(b) Bekas "fitter" Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah berkhidmat dalam Tingkatan 9, sama ada di-bahagian "Automotive" atau pun Jentera Mekanik, atau.

(c) Mempunyai 6 tahun pengalaman mengenai pekerjaan mekanik dengan sharikat2 yang terkemuka.

Tugas2: Menyimpan dan men-

jaga perkakas2 pemadam api, kenderaan lain dan "Boat" Pemadam Api dengan baik-nya. Ia-nya boleh di-panggil pada bila2 masa sahaja untuk memperbaiki jentera yang kechil2 bila2 di-perlukan.

Pakaian Seragam: Chalun yang di-pilih di-kehendaki memakai Pakaian Seragam ("Uniform") Bomba seperti yang diarahkan oleh Pegawai Perkhidmatan Bomba.

Tingkatan Gaji: E. 1-2-3-4-5 \$183-211-220x10-260 - 280 - 290-300.

Permohonan2 mesti-lah di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 16 March, 1963.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan Brunei hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2.

Pembantu Makmal

Permohon2 ada-lah di-jemput dari chalun2 yang menjadi ra'ayat Sultan atau siapa berhak untuk di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan bagi memenuhi jawatan Pembantu Makmal di-Maktab Anthony Abell, Seria dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

KELAYAKAN2: Kelayakan yang sehabis rendah bagi jawatan ini ia-lah lulus Form III.

TINGKATAN GAJI: \$211-220x10-260-280 - 290x20 - 370 - 380x20-560.

TUGAS2: Untuk menjaga dan memelihara Makmal dan semua

alat2 sain agar berada dalam keadaan terat dan bersekh, menyediakan makmal untuk mengajar, menjaga barang2 dan lain2 tugas sebagaimana yang di-arahkan oleh Guru2 Sain.

Permohonan2 mesti-lah di-penuhi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 2 March, 1963.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2.

Peraduan Koran Antara Bangsa:

Khari2 Brunei Mendapat Kepujian

KUALA LUMPUR. — Inche Ismail bin Haji Hashim, johan bacaan Al-Koran bagi seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada tahun ini dan Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Mohamed Tahir Sasaelos dari Thailand telah berjaya bersama2 menyandang gelaran Johan Bacaan Al-Koran Antara Bangsa yang telah dilangsungkan di-Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada malam2 12 dan 13 February 1963. Inche Ismail telah mendapat 90 markah dan Tuan Haji Abdul Manaf juga telah mendapat 90 markah.

Inche Abdul Aziz bin Haji Husin dari Thailand telah menjadi naib johan, manakala Inche Mustafa bin Haji Basri dari Persekutuan Tanah Melayu telah mendapat gelaran yang ketiga dalam peraduan bacaan Al-Koran tersebut.

Awang Besar bin Yahya, johan bacaan Al-Koran bagi seluruh Negeri Brunei pada tahun ini telah mendapat gelaran yang ke-tujuh dengan memperoleh sa-banyak 70 markah.

Inche Abdullah bin Metassan, naib johan bacaan Al-Koran bagi seluruh Negeri Brunei pada tahun ini telah mendapat gelaran yang ka-sembilan bersama2 dengan Inche Mohamed Yusof dari Pakistan dan Awang Bujang bin Haji Jaya dari Negeri Sarawak. Tiap2 orang khari yang di-sebutkan ini mendapat 67½ markah.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah menyampaikan hadiah2 kepada khari2 yang berjaya dalam peraduan bacaan Al-Koran tersebut di-Stadium Merdeka pada malam 14 February dengan di-saksikan oleh beribu2 orang.

Keputusan penoh peraduan bacaan Al-Koran Antara Bangsa itu ada-lah di-siarkan di-bawah ini:

Johan—Inche Ismail bin Haji Hashim (Persekutuan Tanah Melayu) dan Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Mohamed Tahir Sasaelos (Thailand).

Naib Johan — Inche Abdul Aziz bin Haji Husin (Thailand), telah mendapat 85½ markah.

Gelaran yang ketiga — Inche Mustafa bin Haji Basri (Persekutuan Tanah Melayu), telah mendapat 85 markah.

Nombor 4—Inche Abdul Rahman Wok bin Muhammad (Singapura) — 83½ Markah. Nombor 5—Inche Noordin bin Haji Mansor (Singapura) — 77 markah. Nombor 6 — Tuan Haji Ahmad Munib Mocktar (Philippina) — 72 markah.

Nombor 7 — Awang Besar bin Yahya (Brunei) — 70 markah. Nombor 8 — Inche Ahmad Othman (India) — 68 markah.

Nombor 9 — Inche Abdullah bin Metassan (Brunei) — 67½ markah, Inche Mohamed Yusof (Pakistan) — 67½ markah dan Awang Bujang bin Haji Jaya (Sarawak) — 67½ markah.

Nombor 10 — Inche Ghulam Rasul (Pakistan) — 66 3/8 markah. Nombor 11 — Inche Mohamed Tahir Kilong (Sabah) — 66½ markah.

Nombor 12 — Inche Annuar bin Hassan (Sarawak) — 66 markah. Nombor 13 — Inche Inche Abdullah Salem (India) — 65 markah dan Nombor 14 — Inche Sahari bin Abdul Latif (Sabah) — 61½ markah.



Dato Paduka Neil Lawson, Penasehat Undang2 kepada Perwakilan Brunei ka-Persidangan Malaysia kelihatan memberi penerangan kepada para wartawan di-satu persidangan akhbar yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur baharu2 ini. Dari kiri menghadapi kamera—Y. B. Dato Setia Pengiran Haji Mohamed Yusof, Dato Paduka Neil Lawson, Inche Peter Munap (Juru Bahasa), Y. B. Dato Setia Pengiran Haji Ali, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera, Inche Idris Talog Davis dan Tuan Haji Jamil. — Gambar dengan ehsan Perkhidmatan Penerangan, Persekutuan Tanah Melayu.

Hiboran Hari Raya:

Bintang2 Filem Singapura Ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-rombongan 10 orang seniman dan seniwati dari Studio Cathay-Kris, Singapura akan menghiborkan hari orang ramai dengan mempersembahkan nyanyian2, lawak2 jenaka dan lain2 achara yang istimewa sa-lama dua malam, ia-itu pada malam2 25 dan 26 February, 1963 bertempat di-sa-buah pentas yang khas di-bena di-padang besar Bandar Brunei sa-bagai menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

Rombongan Bintang2 Filem itu, di-ketuai oleh "Raja Kelakar" Seniman WAHID SATAY, mengandongi dua orang Bintang2 Filem yang jelita, ia-itu ROS YATIMAH dan SURAYA HARUN, serta juga MAT SANTOL—sa-orang ahli lawak jenaka yang terkenal.

Mereka akan tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Singapura pada hari Isnin 25 February.

Sa-lain daripada persembahan oleh Bintang2 Filem tersebut, satu temasha "Malam Anika Warna Menjelang Hari Raya" akan di-adakan di-pentas yang termal'om di-padang besar Bandar Brunei pada malam 24 February di-bawah anjoran Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-temasha Malam Anika Warna itu ia-lah:

PERADUAN RATU KEBAYA

Peraduan Ratu Kebaya, Peraduan2 Menyanyi terbuka kepada lelaki dan perempuan, serta persembahan2 Lagu2 Asli Brunei, Tarian Asli Brunei, Tablo, Seruling Asli atau Umping dan Tarian Zapin.

Temasha2 itu ada-lah terbuka kepada orang ramai dengan perchuma dan di-mulai pada pukul tujuh sa-tengah malam, tiap2 malam tersebut.

Derma Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Per satuan Pengakap Negeri Brunei akan melancarkan satu usaha untuk mengutip derma bagi menghantarkan empat orang pengakap dari Negeri Brunei menghadhiri Perkhemahan Pengakap Sadunia di-Grece dalam bulan Ogos tahun ini.


Usaha mencari derma itu ada-lah berupa lotri dan keberanan untuk mengadakan lotri itu telah pun di-luluskan oleh Kerajaan.

Berhubung dengan perkara tersebut, Pesuruh Jaya Pengakap Negeri Brunei, Inche P. A. Coates berkata bahawa Perkhemahan Pengakap Sadunia itu akan di-adakan di-sa-buah kawasan yang bersejarah di-Marathon di-mana satu daripada peperangan2 yang mustahak dalam sejarah dunia telah berlaku dalam tahun 490 sa-belum lahirnya Nabi Issa.

Tiket2 lotri itu berharga sanggit sedang di-jual oleh pengakap2 yang berkenaan.

Hadiah2 yang di-beri untuk pemegang2 tiket lotri itu yang bernasib baik ia-lah sa-buah motor car yang baharu, tambang perchuma berulang alek dari Brunei ka-Hong Kong serta lain2 barang yang berharga.

Chabutan tiket2 lotri itu akan di-adakan dalam bulan April akan datang.



Awang Besar bin Yahya dan Inche Abdullah bin Metassan kelihatan bergembira di-pekerangan Mesjid Omar Ali Saifuddin pada malam 31 January, 1963 sa-lepas mereka berjaya dalam peraduan kejohanan bacaan Al-Koran bagi sa-luruh Negeri Brunei. Awang Besar telah menjadi johan dan Inche Abdullah naib johan dalam peraduan itu.

Di-terbitkan oleh Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan di-chetak di-The Light Press, Brunei.